



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 8 MEI 2019**

| <b>BIL</b> | <b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>   | <b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>                         |
|------------|---|---|
| 1.         | KERAJAAN SARAWAK DIGESA GUBAL SEMULA AKTA KEBAJIKAN HAIWAN 2015, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)                          |
| 2.         | MADU KELULUT BANTU KEKALKAN TENAGA DI BULAN RAMADHAN, SH -ONLINE                                | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 3.         | LESEN LAUT DALAM HANYA UNTUK INDIVIDU, SYARIKAT TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -13                  | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)                              |
| 4.         | KELEWATAN EDAR BEKALAN BAJA PADI SUKARKAN PETANI, DALAM NEGERI, UM -14                          | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)                        |
| 5.<br>6.   | NASIB PESAWAH TERUS TERTEKAN, DALAM NEGERI, UM -14<br>PADI OH PADI, RENCANA, UM -19             | LAIN – LAIN   |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

|            |   |             |            |
|------------|---|-------------|------------|
| Headline   | Kerajaan Sarawak digesa gubal semula Akta Kebajikan Haiwan 2015 |             |            |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)          |             |            |
| Date       | 08 May 2019   | Color       | Full Color |
| Section    | News  | Circulation | 3          |
| Order Rank | 10  | Readership  |            |
| Language   | English   | ArticleSize | N/A        |
| Journalist | N/A   | AdValue     | RM 450     |
| Frequency  | Daily   | PR Value    | RM 1,350   |

## Kerajaan Sarawak digesa gubal semula Akta Kebajikan Haiwan 2015

MIRI: Ahli Dewan Negara Senator Alan Ling menggesa Kerajaan Sarawak menggubal semula Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999) yang sudah tamat tempoh. Beliau berkata Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebelum ini telah...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH   | MEDIA        | RUANGAN | MUKA SURAT |
|----------|--------------|---------|------------|
| 8/5/2019 | SINAR HARIAN | ONLINE  |            |

## Madu kelulut bantu kekalkan tenaga di bulan Ramadan

Hisham (kiri) dan kakitangan beliau menunjukkan produk madu kelulut yang dipasarkan oleh beliau di bawah jenama Bayu Kelulut.

MENJALANI ibadah puasa di bulan Ramadan pada minggu pertama, pastinya agak mencabar terutamanya ketika cuba menyesuaikan diri dengan ibadat berkenaan dan hambatan tugas harian.

Bagi individu yang memberi penekanan terhadap makanan tambahan (kesihatan) yang wajar diambil sepanjang bulan puasa ini, madu kelulut pastinya pilihan terbaik.

Bagi Ketua Pegawai Eksekutif Bayu Gagah Marketing, Hisham Yusof, yang memasarkan madu kelulut di bawah jenama "Bayu Kelulut" menegaskan madu berkenaan sememangnya terkenal dengan pelbagai khasiat khususnya dalam aspek perubatan alternatif.

Ia dikatakan lebih baik berbanding dengan madu dari lebah lain seperti Lebah Madu (*Apis Mellifera*), Lebah Tualang (*Apis Dorsata*) dan Lebah Keran (*Apis Cerana*).

"Madu kelulut mempunyai khasiat kesihatan yang sangat tinggi kerana ia dapat membantu seseorang meningkatkan metabolisme tubuh.

Menurut kajian Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) membuktikan madu kelulut mengandungi pelbagai jenis asid fenolik yang berguna untuk tubuh manusia," jelasnya.

Untuk rekod, Bayu Kelulut merupakan Ladang & Usahawan Bimbingan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

Menurut Hisham, pihaknya banyak menerima banyak testimoni positif dari para pelanggan yang mengalami pelbagai masalah kesihatan seperti kanser, darah tinggi, kencing manis, asma dan batuk, di mana kesihatan mereka semakin baik selepas mengamalkan pengambilan madu kelulut.

Sementara itu, menurut Pensyarah Kanan Perubatan, Advanced Medical & Dental Institute, Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Eshaifol Azam Omar, madu kelulut yang dikenali sebagai super food mempunyai pelbagai kelebihan jika diambil secara konsisten dengan jumlah yang dicadangkan.

"Pengambilan pelbagai jenis madu dari sumber semula jadi merupakan amalan pemakanan turun-temurun oleh pelbagai lapisan masyarakat seluruh dunia.

Dr. Eshaifol Azam banyak terlibat dalam kajian mengenai khasiat madu kelulut.

"Merujuk kepada madu kelulut, ia mengandungi sebatian karbohidrat, protein dan pelbagai vitamin yang seimbang untuk membekalkan tenaga yang berterusan sepanjang hari.

"Selain terkenal sebagai makanan sunnah, madu kelulut mempunyai sifat anti-oksida yang sangat tinggi yang boleh mencegah pelbagai jenis penyakit khususnya yang berkaitan dengan usus.

Oleh itu, saya menggalakkan mereka yang berpuasa agar dapat mengamalkan pengambilan madu kelulut sebagai makanan tambahan harian sepanjang bulan Ramadan in," ujarnya.

8/5/2019

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

13

## Lesen laut dalam hanya untuk individu, syarikat tempatan

**PUTRAJAYA 7Mei** - Jabatan Perikanan menegaskan tidak pernah mengeluarkan lesen laut dalam kepada warga asing dan lesen yang dikeluarkan adalah kepada individu atau syarikat tempatan sepenuhnya.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd. Nawi berkata, bermula September 2017, pihaknya tidak lagi mengeluarkan permit laut dalam untuk kapal perolehan dari luar negara.

Munir berkata, terkini, jabatan tersebut menggalakkan pembinaan kapal baharu dalam negara melalui pemodenan kapal.

Beliau berkata, jabatan itu memandang serius laporan media mengenai pencerobohan kapal nelayan Vietnam ke dalam perairan negara yang mengakibatkan ketirisan hasil laut dan pencerobohan kawasan oleh kapal pukat tunda tempatan.

Katanya, sebanyak 341 kes penangkapan kapal asing dengan nilai rampasan dianggarkan sebanyak RM682 juta telah dilaksanakan oleh penguat kuasa DOF, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Pasukan Polis Marin (PPM) pada tahun 2017 hingga kini.

"Daripada jumlah tersebut, sebanyak 285 kes penangkapan kapal Vietnam telah dilaksanakan, manakala 44 kes melibatkan kapal Indonesia, Thailand enam dan enam kapal dari negara lain seperti China, Taiwan, Singapura dan Filipina.

"Sebanyak 786 kes kapal pukat tunda tempatan pula telah mencerooboh kawasan pantai dengan nilai kompaun, denda dan lelong ikan berjumlah RM2.02 juta yang telah menimbulkan konflik kepada nelayan pantai," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menurut Munir, tindakan tegas yang telah diambil adalah dengan melaksanakan program pemutihan kapal laut dalam bagi memastikan lesen diberikan kepada pengusaha yang benar-benar tulus dan mematuhi undang-undang serta prosedur pelesenan yang ditetapkan.



**GAMBAR** fall sebuah bot nelayan Vietnam ditahan kerana menangkap ikan di perairan Malaysia pada kedudukan 26.5 batu nautika Timur Tanjung Balau, Kota Tinggi, Johor baru-baru ini.

Malah, katanya, Akta Perikanan 1985 juga telah dikemas kini bagi memastikan setiap kes dapat disabitkan kesalahan.

"Sejak tahun 2011, sebanyak 577 kapal laut dalam telah dibatalkan lesen dan 61 lesen lagi sedang dalam proses pembatalan, termasuk pembatalan permit yang tidak memenuhi syarat pelesenan," katanya.

Beliau berkata, bagi mencari jalan penyelesaian kepada kemelut pencerobohan kapal pukat tunda ke perairan pantai, jabatan berkenaan melaksanakan transformasi pukat tunda melalui pro-

gram exit policy bagi memastikan kemampuan sumber perikanan.

Katanya, nelayan digalakkan untuk mengusahakan kapal pukat tunda di zon C atau menukar peralatan yang lebih mesra sumber sekitarnya hendak kekal di zon yang sama.

"Sistem pembaharuan lesen akan ditambah baik dengan penggunaan kad laporan bagi kapal laut dalam bagi memberi wawasan serta penalti ke atas prestasi penjaratan ikan, keaktifan alat MTU-VMS, ciri keaslian kapal dan juga bilangan kesalahan yang dilakukan," katanya.



### PEMBERITAHUAN

Merujuk kepada **KENYATAAN TENDER BIL. 10/2019** yang disiarkan di Akhbar New Straits Times dan Utusan Malaysia pada **22 April 2019**, terdapat **Pindaan Kelayakan Petender** bagi tender **2019/A062**. Syarat **Kelayakan Petender** baru adalah seperti berikut:-

**2019/A062**

**Berdaftar Dengan KKM**

**Kod Bidang**

**210101 Atau 210102 Dan 210104 Atau 210105**

Sehubungan dengan itu, tarikh tutup tender (2019/A062) dilanjutkan sehingga **21 Mei 2019 (Selasa)** sebelum jam 12.00 tengah hari.

Jabatan Pentadbiran  
Bahagian Pengurusan Perolehan  
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Tarikh Iklan : 8 Mei 2019 (Rabu)

[www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)

### HARTANAH UNTUK DIJUAL

1 Unit Rumah Kedai Teres  
2 Tingkat

Bumiputera Lot. HSD 9228 PTD 7086  
Lokasi: No. 19 & 19A, Jln. Mengkudu,  
Tmn. Makmur, Mukim Simpang Kanan,  
Daerah Batu Pahat, Negeri Johor.

Sebarang Pertanyaan, Sila Hubungi

**012-6550770**

## Bacaan ayat suci pikat Siti Nur Aisyah

**KOTA BHARU 7 Mei** - Alunan bacaan ayat suci al-Quran telah memikat hati Siti Nur Aisyah Tan Abdullah, 40, atau nama asalnya Tan Sew Tiap/Eh Dek untuk memeluk agama Islam.

Siti Nur Aisyah berkata, hatinya mula terdetik untuk mendalami agama Islam ketika masih berada di bangku sekolah.

Katanya, dia banyak terdedah dengan agama Islam daripada rakan-rakan di sekolah kerana kebanyakan mereka beragama Islam.

"Waktu sekolah dulu, saya biasa tidur, mandi dan makan di rumah kawan yang beragama Islam dan setiap kali waktu Maghrib, saya selalu melihat dia mengaji al-Quran.

"Dari situ, saya tertarik dengan agama Islam dan perlahan-lahan saya mula belajar mengaji dengannya," katanya ketika ditemui dalam Program Tadarus Al-Quran di Pejabat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim) di sini hari ini.

Siti Nur Aisyah berkata, pelbagai cabaran dan dugaan

ditempuhnya ketika mula-mula memeluk agama Islam pada tahun 2008.

"Pada mulanya, saya memeluk Islam tanpa pengetahuan keluarga kerana pada masa itu, ibu, ayah serta adik-beradik, membantah dengan keputusan saya.

"Walaupun bagaimanapun, Allahmudilillah sekarang mereka sudah boleh menerima malah, saya juga sempat menjaga ayah sakit sebelum dia meninggal dunia pada tahun 2016," katanya.

Sementara itu, Pegawai Dakwah dan Kerja Perkin Kelantan, Wan Zubaidah Wan Yusoff, berkata, Program Tadarus Al-Quran ini telah dilaksanakan bermula sehari sebelum puasa.

"Program Tadarus ini melibatkan 60 orang muallaf dan mereka dibahagikan kepada tujuh kumpulan.

"Setiap hari, mereka perlu menghabiskan satu juzuk bagi setiap kumpulan. Mereka akan bergilir-gilir membaca dalam satu kumpulan dan saling menegur jika ada kesilapan dalam bacaan," katanya.



**SITI NUR AISYAH TAN ABDULLAH** (tiga dari kanan) membaca al-Quran sambil dibimbing Wan Zubaidah Wan Yusoff dalam Program Tadarus al-Quran di Pejabat Perkin, Kota Bharu, Kelantan semalam. - UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

Masalah penyakit padi menjadikan usaha sia-sia

## Nasib pesawah terus tertekan

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**  
utusankrn@utusan.com.my

■ **ROMPIN 7 MEI**

**S**UDAHLAH terpaksa membanting tulang di bawah panas terik matahari, nasib pesawah semakin menyedihkan apabila menerima pelbagai tekanan dalam usaha mereka untuk menyara kehidupan sehingga ada yang terpaksa menanggung kerugian.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Kampung Paya Sepayang di sini mendapati, antara masalah dihadapi pesawah adalah padi hampa dan penyakit berlarutan, benih tidak berkualiti, masalah air, baja serta racun yang mahal dan tidak berkualiti.

Pemotongan hasil penjualan padi yang semakin tinggi oleh Padiberas Nasional Berhad (Ber-nas) dengan kadar minimum kira-kira 21 peratus berbanding 18 peratus sebelum ini juga memberi tekanan berterusan kepada petani.

Seorang petani, **Mohamad Kamal A. Raman**, 57, berkata, masalah bertimpa yang dihadapi pesawah termasuk hasil padi tidak 'menjadi' di sawah kampung berkenaan yang berlarutan selama empat musim atau dua tahun lalu meresahkan mereka.

Kali ini, katanya, kebanyakan petani sekali lagi berhadapan masalah apabila tanaman itu tidak menjadi akibat pelbagai masalah termasuk diserang ulat batang menyebabkan padi menjadi hampa atau tidak berisi.

"Kami tidak kisah berkerja siang atau malam untuk mencari rezeki. Kami sudah pun bekerja pada sebelah malam



**AZRUL ABDUL RAHMAN** menunjukkan padi yang rosak kerana pelbagai masalah yang menyebabkan pesawah mengalami kerugian di sawah paya Sepayang, Rompin, Pahang. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

khususnya untuk mengempam air.

"Padi rosak bukan salah pesawah kerana kami sudah berusaha dan melaburkan modal membeli racun tetapi masih bermasalah," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Menurut Mohamad Kamal, bekalan air yang hanya bergantung kepada sistem graviti berbanding kawasan sawah diusahakan Lembaga Kemajuan Pertubuhan Peladang (LKPP) yang diberikan kemudahan pam elektrik menyebabkan pesawah di situ menghadapi masalah air.

Dalam pada itu, **Abdul Mutalib Abdullah**, 47, berkata, kenaikan kadar subsidi sebanyak RM60 kali ini tidak memberi makna apabila Bernas menaikkan pemotongan minimum kepada 21 peratus berbanding 18 peratus.

Katanya, potongan yang ting-

gi sehingga ada mencecah lebih 30 peratus dalam keadaan harga padi tidak dinaikkan seperti menindas petani.

"Kerajaan tambah subsidi RM60 tetapi kadar pemotongan lebih daripada RM60 sememangnya tidak padan dengan apa diberi serta usaha keras petani," katanya.

Sementara itu, seorang petani muda, **Azrul Abdul Rahman**, 32, berkata, masalah berterusan yang menimpa menyebabkan ramai golongan muda tidak berminat menanam padi kerana dilihat tidak mempunyai masa depan.

"Sebenarnya ramai yang mahu mengusahakan tanaman padi tetapi pelbagai tekanan menyebabkan kerugian sehingga ramai golongan muda berhijrah ke bandar dan tidak mahu lagi meneruskan kerja sawah yang diwarisi," ujarnya.

## Kelewatan edar bekalan baja padi sukarkan petani

**ALOR SETAR 7 Mei**

- Kira-kira 68,000 pesawah kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) di negeri ini dan Perlis bimbang apabila bekalan baja bagi musim pertama tahun ini masih belum diedarkan.

Mereka mendakwa, sekiranya mengikut jadual, baja-baja tersebut sepatutnya sudah diedarkan kepada para pesawah selepas



**CHE ANI CHE ZAIN**

proses bancian selesai dilaksanakan pada Februari dan Mac lalu.

Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, **Che Ani Mat Zain** berkata, kelewatan mengedarkan baja itu dikhawatirkan akan menjiskan tumbesaran anak padi yang perlu dibaja dalam tempoh tertentu.

"Ramai petani di kawasan MADA sudah menjalankan

kerja-kerja menabur benih padi di bendang masing-masing ketika ini. Keluasan sawah padi itu mencecah lebih 100,000 hektar.

"Justeru, jika mengikut jadual, anak padi berusia 15 hari perlu diletakkan baja untuk kali pertama, diikuti selepas 30 hari dan 45 hari untuk pembajaan peringkat seterusnya," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Lebih mengecewakan kata **Che Ani**, terdapat juga Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang masih belum menjalankan

bancian baja di kawasan masing-masing.

"Kalau bancian pun belum dibuat, maka bertambah lambatlah para petani akan dapat bekalan baja yang akhirnya mengganggu tumbesaran anak padi selain menjejaskan pendapatan golongan itu," katanya.

Menurut beliau, kelewatan itu perlu dipandang serius oleh pihak MADA sekiranya mereka berhasrat untuk meningkatkan pengeluaran hingga 10 tan metrik bagi setiap hektar seperti yang diuar-uarkan sebelum ini.



M. JASNI MAJED

## Padi oh padi!

**D**UA isu berkaitan padi digembar-gemburkan sejak belakangan ini. Pertama, mengenai benih padi haram yang dikatakan menjejaskan hasil padi dan ramal petani menanggung kerugian. Benih padi haram mengakibatkan serangan penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB).

Kedua, Perdana Menteri mencadangkan agar padi ditanam pada waktu malam. Cadangan ini menimbulkan pelbagai reaksi. Kebanyakan petani tidak senang dengan cadangan itu, seolah-olah petani-petani sudah tidak sanggup bekerja di bawah terik panas matahari, lalu disuruh beralih bekerja pada waktu malam.

Tidak kira apa cadangan pun, padi tetap ditanam dan sampai musimnya padi dituai. Jarang kita dengar tanah sawah dibiarkan kecuali buat beberapa bulan kerana tanah itu akan dimajukan atau dibangunkan projek lain. Banyak atau tidak hasil padi bergantung kepada penjagaan, modal dan risiko, bukan kerana tanam siang atau malam.

Ada pendapat mengatakan bahawa akan sampai masanya padi ditanam pada waktu malam. Mungkin ramai menunggu detik waktu itu dan akan melihat perubahan landskap hidup petani. Siang tidur dan malam berada di sawah.

Oleh itu cadangan ini dianggap tidak masuk akal oleh kebanyakan petani. Cadangan ini akan dianggap logik jika padi tidak boleh ditanam langsung pada waktu siang sehingga wujud tanah terbiar kerana tidak cukup masa untuk menanamnya kecuali ditanam pada waktu malam.

Dalam zaman moden ini, menanam padi bukan pakai kuku kambing terbongkok-bongkok cucuk anak semaian dari pagi bawa ke petang.

Zaman sekarang pakai mesin dan alat menabur benih secara terus yang tidak mengambil masa yang lama dan kerja-kerja ini layak dilakukan pada waktu siang.

Hendak berpanas pun bukan sampai sebulan. Paling lama dua minggu, itu pun bergantung kepada keluasan tanah yang diusahakan. Kita bimbang jika kerja-kerja di sawah padi dilakukan pada waktu malam.

Maka pekerja asinglah yang akan memonopoli kerja-kerja tersebut kerana mereka sudah terkenal dengan sikap berani menanggung risiko, tidak memilih kerja dan sanggup buat apa saja.

Maka sebaiknya, kerja-kerja menanam padi ini biarlah dilakukan pada waktu siang sahaja kerana petani yang memahami susah payah dalam pekerjaan mereka. Jika mereka kata tanam pada waktu siang tidak ada masalah, teruskan sahaja.

Jika mereka kata kerja di sawah pada waktu malam banyak risikonya, kita mesti menerimanya kerana mereka sudah memahami asam garam hidup sebagai petani.

Kecualihah, kalau padi hendak ditanam di kawasan-kawasan lain terutamanya di bumbung bangunan seperti yang pernah disaran oleh seorang menteri suatu masa dahulu, bolehlah ditanam tidak kira waktu. Di atas bangunan tidak ada ulah berbisa yang boleh menyerang petani.

Oleh itu, kawasan-kawasan baharu bagi tanaman padi boleh dicari untuk diusahakan tidak kira masa termasuklah padi huma untuk menambah keluaran padi negara dan mengurangkan kebergantungan beras dari luar negara.

Inilah yang perlu difikirkan semula oleh Kementerian Pertanian dan agensi-agensinya. Selain itu, eloklah difikirkan kaedah-kaedah tertentu untuk mengurangkan kesan bencana dan serangan penyakit ke atas tanaman padi supaya hasil padi tetap terjamin.



Kita sangat bimbang jika kerja-kerja di sawah padi dilakukan pada waktu malam, pekerja asinglah yang akan memonopoli kerja-kerja tersebut kerana mereka sudah terkenal dengan sikap berani menanggung risiko, tidak memilih kerja dan sanggup buat apa saja.